



JABATAN PEGUAM NEGARA, MALAYSIA (AGC)
ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS, MALAYSIA (AGC)
No. 45, Persiaran Perdana
Presint 4
62100 PUTRAJAYA
MALAYSIA

Tel.: 03-8872 2000
Faks (Fax): 03-8890 5670
Portal Rasmi: www.agc.gov.my

Ruj. Kami:PN.BPA 152/3/21 JLD.16 (4)

Tarikh: 9 Ogos 2023

Sesiapa Yang Berkenaan,

Tuan / Puan,

JEMPUTAN MENYERTAI TAWARAN SEBUT HARGA PELUPUSAN ASET ALIH KERAJAAN SECARA JUALAN DI JABATAN PEGUAM NEGARA (AGC)

Dengan hormatnya merujuk kepada perkara di atas.

2. Dimaklumkan bahawa Jabatan Peguam Negara (AGC) dalam tindakan untuk melupuskan Aset alih Kerajaan melalui kaedah jualan secara sebut harga yang melibatkan dua (2) unit kenderaan Jabatan seperti di bawah:

Bil.	Keterangan Aset	Nombor Pendaftaran	Kuantiti	Harga Simpanan (RM)
i.	BAS COASTER / NISSAN	WQS 5294	1	11,000.00
ii.	BAS 40 PENUMPANG / HINO	PUTRAJAYA 8638	1	19,500.00

3. Urusan tawaran sebut harga ini adalah selaras dengan Pekeliling Perbendaharaan Malaysia AM 2.7, Tatacara Pengurusan Aset Alih Kerajaan: Pelupusan yang sedang berkuatkuasa. Untuk makluman Tuan/Puan, **tawaran sebut harga ini dibuka kepada Syarikat dan Orang Perseorangan.**

**JEMPUTAN MENYERTAI TAWARAN SEBUT HARGA PELUPUSAN ASET ALIH KERAJAAN
SECARA JUALAN DI JABATAN PEGUAM NEGARA (AGC)**

4. Sehubungan itu, bersama-sama ini disertakan **Kenyataan Tawaran Sebut Harga Pelupusan Aset Alih** tersebut sebagai makluman dan rujukan lanjut Tuan/Puan (mohon rujuk **Lampiran A**). Sekiranya berminat menyertai tawaran sebut harga tersebut, Tuan/Puan hendaklah mengemukakan permohonan dengan mengisi **Borang Sebut harga Pelupusan Aset Alih** (mohon rujuk **Lampiran B**).

5. Segala perhatian dan kerjasama daripada pihak Tuan / Puan dalam perkara ini amatlah dihargai.

Sekian terima kasih.

“MALAYSIA MADANI”

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menjalankan amanah,



(MOHD IQBAL BIN MOHD NOOR)
Pengarah Bahagian Pengurusan
b.p Peguam Negara
Jabatan Peguam Negara
Malaysia

Telefon : 03-8872 2195
E-mel : iqbal@agc.gov.my

No. Sebut Harga : PN/SH/02/2023

**KENYATAAN TAWARAN SEBUT HARGA
PELUPUSAN ASET ALIH**

Kementerian atau Jabatan:

**JABATAN PEGUAM NEGARA
BAHAGIAN PENGURUSAN
SEKSYEN PENTADBIRAN, ASET DAN KUALITI**

1. Tawaran adalah dipelawa dari syarikat atau orang perseorangan yang berminat untuk membeli aset seperti berikut:

Bil.	Keterangan Aset	Nombor Pendaftaran	Kuantiti	Harga Simpanan (RM)
i.	BAS COASTER / NISSAN (JPM/JPN152/H/07/162)	WQS 5294	1	11,000.00
ii.	BAS 40 PENUMPANG / HINO (JPM/JPN152/H/03/4)	PUTRAJAYA 8638	1	19,500.00

2. Aset boleh dilihat pada **21 hingga 24 Ogos 2023** di antara jam **9.30 pagi hingga 11.30 pagi** di **Jabatan Peguam Negara (AGC), No.45 Persiaran Perdana, Presint 4, 62100 Putrajaya.**
3. Tawaran Sebut harga boleh dibuat dengan menggunakan Borang Sebut Harga Pelupusan Aset Alih Kerajaan (KEW.PA-28) yang boleh diperolehi di alamat seperti di para 4 atau melalui portal rasmi AGC. Tawaran hendaklah sah bagi tempoh 90 hari.

KEW.PA-27

4. Semua tawaran dengan maklumat yang lengkap hendaklah menggunakan sampul surat berlakri dan ditanda No. Sebut Harga **PN/SH/02/2023** dan dihantar melalui pos atau dimasukkan ke dalam peti Sebut Harga di alamat:

**Jabatan Peguam Negara
Bahagian Pengurusan
No. 45, Persiaran Perdana
Presint 4, 62100 Putrajaya**

5. Tarikh tutup sebut harga pada **25 Ogos 2023** jam **12.00** tengah hari. Sebut harga yang diterima lewat tidak akan dipertimbangkan.
6. Sebarang pertanyaan berkaitan perkara ini boleh berhubung dengan **Encik Abd Rahman bin Sabki** atau **Puan Nor Khairunnisa binti Busu** di talian **03-88722303**.



(MOHD IQBAL BIN MOHD NOOR)

Pengarah
Bahagian Pengurusan
Jabatan Peguam negara

Alamat: **Jabatan Peguam Negara, No.45 , Persiaran Perdana,
Presint 4, 62100 Putrajaya.**

Tarikh: **9 Ogos 2023**

Cop Jabatan:



SYARAT DAN PERATURAN SEBUT HARGA

1. Aset akan dijual tertakluk kepada Harga simpanan.
2. Penyebut harga adalah dikehendaki menyertakan deposit sebut harga sebanyak 5% daripada harga tawaran bagi setiap aset atau RM5,000.00 mengikut mana yang terendah. Deposit sebut harga tersebut hendaklah dalam bentuk **Kiriman Wang** atau **Draf Bank** sahaja atas nama **Jabatan Peguam Negara Malaysia**.
3. Tawaran tanpa/ kurang deposit tidak akan dipertimbangkan.
4. Semua aset adalah dijual sebagaimana keadaannya semasa dilihat (as-is-where is basis).
5. Jabatan ini tidak bertanggungjawab ke atas aset yang telah dijual.
6. Semua perbelanjaan pembelian aset seperti kos menanggal (dismantle), mengangkut dan sebagainya hendaklah ditanggung oleh pembeli sendiri.
7. Pembeli yang berjaya hendaklah membuat bayaran penuh dalam tempoh satu (1) minggu dari tarikh pemberitahu keputusan. Jika bayaran tidak dijelaskan dalam tempoh tersebut, deposit sebut harga tidak akan dikembalikan.
8. Pembeli yang berjaya hendaklah mengambil aset dalam tempoh 14 hari selepas bayaran penuh dijelaskan. Jika gagal, bayaran yang telah dibuat tidak akan dikembalikan dan Jabatan berhak melupuskan aset tersebut.

BORANG SEBUT HARGA PELUPUSAN ASET ALIH

Nama Individu/ Syarikat:

No. Kad Pengenalan / Pendaftaran Syarikat:

Alamat:

Kepada:

Pengarah
Bahagian Pengurusan
Jabatan Peguam Negara
No. 45, Persiaran Perdana, Presint 4
62100 Putrajaya.

Tuan,

TAWARAN UNTUK SEBUT HARGA NO. PN/SH/02/2023

Merujuk kepada perkara di atas, saya/ syarikat berminat menyertai sebut harga tersebut.

2. Tawaran syarikat adalah seperti berikut:

Bil.	Keterangan Aset	Kuantiti	Harga Tawaran (RM)	Deposit Sebut Harga (RM)
i.	BAS COASTER / NISSAN	1		
ii.	BAS 40 PENUMPANG / HINO	1		

3. Bersama-sama ini disertakan deposit sebut harga (sebanyak 5% daripada harga tawaran aset di atas atau RM5,000 mengikut mana yang rendah) yang bernilai RM_____ (Ringgit Malaysia _____) dalam bentuk Kiriman Wang / Draf Bank No. _____ atas nama **Jabatan Peguam Negara Malaysia**.

4. Saya/ syarikat memahami dan bersetuju dengan semua syarat-syarat yang ditetapkan.

Sekian, terima kasih.

Tandatangan :

Tarikh :

Cop Syarikat :